



Bagi pesakit diabetes, sangat penting untuk mengenal pasti tanda-tanda hipoglisemia (paras gula yang rendah dalam darah) apabila berpuasa iaitu:



Mengantuk/Lemah



Pening/Mudah pita



Keliru/Gangguan Emosi/Resah/Gelisah



Peluh dingin



Mengeletar



Lapar



# Puasa & UBAT

Puasa adalah rukun ketiga daripada rukun Islam. Malah ia telah disyariatkan menerusi Firman Allah S.W.T.:

#### Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa".

(al-Baqarah: 183)

Syarak mengharuskan pesakit-pesakit meninggalkan puasa sekiranya ia tidak mampu melakukannya. Ia wajib menggantikannya (qadha') berdasarkan firman Allah S.W.T.:

#### Maksudnya:

"(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa diantara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui".

(al-Baqarah: 184)



Pastikan juga paras gula dalam darah diuji dengan kerap sepanjang menjalankan ibadah berpuasa.

#### Penafian:

Risalah ini adalah bertujuan untuk makluman sahaja. Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk pengubahsuaian dos serta waktu pengambilan ubat pada bulan Ramadhan.

Rujukan :  
Panduan Berpuasa bagi Pesakit 2009, JAKIM

Torbitan:  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Untuk makluman lanjut, layari  
[www.knowyourmedicine.gov.my](http://www.knowyourmedicine.gov.my) atau  
Hubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan  
di talian bebas tol 1800-88-6722

## Penggunaan Ubat Yang Tidak Membatalkan Puasa



Ubat titis mata, hidung dan telinga (dengan syarat tidak sampai batas gegendang telinga)



Tablet sublingual (bawah lidah); dengan syarat diletakkan di bawah lidah dan tidak ditelan



Semua bentuk suntikan



Ubat jenis sapuan (krim atau salap) dan plaster



Ubat kumur



Ubat sembur hidung (dengan syarat tidak disedut)



Ubat bius setempat dan bius separuh

## Penggunaan Ubat Yang Membatalkan Puasa

Ubat biji



Ubat minum



Inhaler (ubat sedut)



Pesari (ubat yang dimasukkan ke dalam vagina termasuk prosedur cucian)



Ubat yang dimasukkan ke dalam dubur (supositori dan enema)



Ubat bius menyeluruh (yang melibatkan gas)



## Panduan Pengambilan Ubat Yang Perlu DiMakan/Minum

Kekerapan	Masa Pengambilan	
	Sebelum Makan	Selepas Makan
<b>Sekali Sehari</b>	• Sebelum bersahur	• Selepas berbuka
<b>Dua Kali Sehari</b>	• Sebelum bersahur • Selepas berbuka, sebelum mengambil menu utama	• Selepas bersahur • Selepas berbuka
<b>Tiga Kali Sehari</b>	• Sebelum bersahur • Selepas berbuka, sebelum mengambil menu utama • Sebelum tidur	• Selepas bersahur • Selepas berbuka • Sebelum tidur
<b>Empat Kali Sehari</b>	Bergantung kepada jenis penyakit atau minta nasihat akan alternatif lain jika ingin berpuasa. Sila rujuk ahli farmasi anda.	

Bagi ubat yang diambil pada waktu malam, pengambilan ubat adalah seperti biasa mengikut arahan yang telah diberikan.